
Keluaran Dalam Negeri Kasar

Pertumbuhan KDNK yang lebih kukuh sebanyak 6% pada S2 2026


Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pada asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi berkembang sebanyak 2.5%

Keluaran dalam negeri kasar,
Perubahan suku tahunan, % (terlaras secara bermusim)



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Apakah faktor-faktor yang menyokong pertumbuhan pada S2 2026?

Pertumbuhan eksport yang kukuh didorong oleh permintaan yang memberangsangkan terhadap produk elektrik dan elektronik (E&E), produk petroleum, perbelanjaan pelancong serta perkhidmatan teknologi maklumat dan komunikasi (*information and communication technology,* ICT)

Pertumbuhan perbelanjaan isi rumah yang mampan didorong oleh pasaran pekerja yang baik, pertumbuhan pendapatan yang stabil serta sokongan dasar yang berterusan

Pelaburan swasta yang berterusan disokong oleh perbelanjaan bagi struktur serta jentera dan kelengkapan

Prestasi Ekonomi Malaysia

Perkembangan permintaan dalam negeri yang berterusan dan prestasi sektor luaran yang kukuh

Perubahan tahunan, %

Penggunaan Swasta



4.8%
(S1 2026: 4.7%)

Pasaran pekerja yang baik, pertumbuhan pendapatan yang stabil dan sokongan dasar yang berterusan

Pelaburan Swasta



4.3%
(S1 2026: 7.8%)

Perbelanjaan yang berterusan dalam pelaburan struktur serta jentera dan kelengkapan

Penggunaan Awam



7.6%
(S1 2026: 4.1%)

Perbelanjaan bekalan dan perkhidmatan serta perbelanjaan emolumen yang lebih tinggi

Pelaburan Awam



6.3%
(S1 2026: 5.3%)

Perbelanjaan aset tetap yang lebih tinggi oleh Kerajaan Persekutuan dan syarikat awam

Eksport Bersih



168.5%
(S1 2026: 13.5%)

Permintaan kukuh terhadap produk E&E berikutan perkembangan teknologi global, disokong oleh kesan asas

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Pertumbuhan disokong oleh sektor perkhidmatan dan perkilangan

Perubahan tahunan, %

Perkhidmatan



5.9%
(S1 2026: 5.6%)

Pertumbuhan lebih tinggi yang didorong oleh perkhidmatan berkaitan perniagaan, dan diterajui oleh subsektor ICT berikutan permintaan pusat data yang berterusan serta subsektor kewangan dan insurans

Perkilangan



7.3%
(S1 2026: 5.9%)

Pertumbuhan kukuh yang didorong oleh kelompok berorientasikan eksport, khususnya dalam E&E susulan permintaan berkaitan AI yang kukuh

Pertanian



-3.7%
(S1 2026: 2.6%)

Pertumbuhan lebih rendah berikutan pengeluaran kelapa sawit kembali normal susulan kadar hasil yang tinggi pada tahun 2025

Perlombongan



9.2%
(S1 2026: -2.1%)

Pertumbuhan lebih tinggi didorong terutamanya oleh peningkatan pengeluaran gas asli serta kesan asas berikutan aktiviti penyelenggaraan yang dijalankan pada tahun 2025

Pembinaan



6.5%
(S1 2026: 7.7%)

Pertumbuhan sederhana disokong terutamanya oleh aktiviti pertukangan khas dan pembinaan bukan kediaman yang berterusan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Keadaan Pasaran Pekerja


Pasaran pekerja kekal menggalakkan

- Kadar pengangguran adalah sebanyak 3% pada S2 2026 (S1 2026: 2.9%; 2015-2019: 3.3%).
- Guna tenaga meningkat sedikit kepada 16.77 juta orang pada S2 2026 (S1 2026: 16.73 juta orang) berikutan permintaan terhadap pekerja yang berterusan.
- Bekalan pekerja kekal menggalakkan dengan kadar penyertaan tenaga kerja tidak berubah pada 70.9% pada S2 2026 (S1 2026: 70.9%).

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Kadar pengangguran rendah


Kadar pengangguran, % daripada tenaga kerja



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia


Pertumbuhan berterusan dalam upah sektor swasta

Gaji nominal dan gaji benar sektor swasta,
Perubahan tahunan, %



Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Gaji nominal mengikut sektor,
Perubahan tahunan, %




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Trend Inflasi

Inflasi keseluruhan meningkat, manakala inflasi teras menjadi sederhana

- Inflasi keseluruhan meningkat manakala inflasi teras menjadi sederhana, dengan kedua-duanya mencatatkan purata 1.9% pada suku kedua.
- Peningkatan inflasi keseluruhan mencerminkan tekanan kos luaran yang lebih tinggi susulan konflik di Timur Tengah, terutamanya melalui kenaikan harga bahan api.[1] Walau bagaimanapun, pemindahan kenaikan kos kepada harga pengguna secara menyeluruh kekal terhad meskipun harga pengeluar pada peringkat huluan meningkat.
- Sebaliknya, penurunan inflasi teras didorong terutamanya oleh inflasi yang lebih rendah bagi barangan kemas dan jam tangan serta sewaan.

Inflasi keseluruhan dan inflasi teras,
Perubahan tahunan, %




[1] Pada S2 2026, harga pasaran purata bagi RON95, RON97 dan diesel masing-masing meningkat kepada RM3.89 seliter, RM4.73 seliter dan RM5.14 seliter. Walau bagaimanapun, kebanyakan pengguna RON95 di Malaysia terus membayar harga bersubsidi sebanyak RM1.99 seliter (hingga 200 liter) melalui program BUDI95, manakala pengguna diesel yang layak di Sabah dan Sarawak terus membayar harga bersubsidi sebanyak RM2.15 seliter.
Nota: Pengiraan inflasi teras tidak termasuk barangan yang harganya tidak menentu dan barangan yang harganya ditadbir daripada inflasi keseluruhan.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Rebakan inflasi meningkat pada suku kedua

- Bahagian item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulan ke bulan meningkat pada suku kedua, sekali gus menyebabkan rebakan kembali menghampiri purata yang pernah dicatatkan. Walau bagaimanapun, rebakan ini menjadi sederhana dari April hingga Jun.
- Peningkatan rebakan ini sebahagiannya mencerminkan kesan kos luaran yang lebih tinggi, namun tekanan harga asas kekal sederhana.

Item IHP yang mencatatkan kenaikan harga bulanan,
Bahagian, %



Nota: Data mulai tahun 2024 mencerminkan penambahan item baharu dalam kumpulan IHP berdasarkan HIES 2022.
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan anggaran Bank Negara Malaysia

Perkembangan Sektor Luaran

Pertumbuhan eksport yang lebih tinggi berbanding import

Eksport Kasar **42.4%** S1 2026: 12.6%

Prestasi eksport perkilangan yang kukuh disokong oleh sektor E&E, di samping pemulihan eksport gas asli cecair (*liquified natural gas*, LNG) dan produk perkilangan bukan E&E.

Import Kasar **25.4%** S1 2026: 7.6%

Import barangan perantaraan yang kukuh jauh melebihi penguncupan import barangan modal.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Akaun semasa terus mencatatkan lebihan dan akaun kewangan beralih kepada aliran keluar

Akaun Semasa
RM10.8 bilion; 2% daripada KDNK
(S1 2026: RM15.2 bilion; 3%)

Lebihan berterusan berikutan
- Lebihan barangan yang lebih tinggi, didorong oleh eksport perkilangan yang lebih tinggi berbanding import.
- Defisit pendapatan sekunder yang lebih kecil berikutan penerimaan pendapatan sekunder yang lebih kukuh.

Hal ini sebahagiannya diimbangi oleh
- Defisit pendapatan primer yang lebih besar berikutan keuntungan yang lebih tinggi dicatatkan oleh syarikat pelaburan langsung asing (*foreign direct investment,* FDI).
- Defisit akaun perkhidmatan yang kecil disebabkan oleh import perkhidmatan perniagaan lain yang lebih tinggi, dalam keadaan penerimaan perjalanan dan penerimaan berkaitan ICT yang stabil.

Akaun Kewangan
Aliran keluar bersih RM27 bilion
(S1 2026: Aliran masuk bersih RM27.4 bilion)

Aliran keluar bersih dalam
- Pelaburan portfolio, didorong terutamanya oleh pemerolehan sekuriti ekuiti di luar negara oleh pemastautin serta pelupusan sekuriti ekuiti domestik oleh bukan pemastautin.

Yang lebih daripada mengimbangi
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan langsung yang disokong oleh aliran masuk FDI bersih.
- Aliran masuk bersih dalam pelaburan lain yang didorong terutamanya oleh peminjaman antara bank yang lebih tinggi oleh pemastautin.

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

Hutang luar negeri yang lebih tinggi

RM1.51 trilion atau 71.6% daripada KDNK
(S1 2026: RM1.44 trilion atau 70.1% daripada KDNK)
- Peminjaman antara bank yang lebih tinggi, mencerminkan operasi pengurusan mudah tunai dan aktiviti pusat kewangan serantau.
- Kredit perdagangan yang lebih tinggi oleh syarikat korporat.

Hutang luar negeri kekal terurus
% daripada jumlah hutang luar negeri

Mata wang

Dalam denominasi ringgit: 31.5%
Tidak terjejas oleh turun naik kadar pertukaran ringgit.
Dalam denominasi mata wang asing: 68.5%
Yang 52.2% daripadanya tertakluk pada keperluan kehematan dan pengawalseliaan BNM dan 20% disebabkan oleh pinjaman antara syarikat berkaitan.

Tempoh matang

Jangka sederhana dan panjang: 55.7%
Risiko pelanjutan terhad.

Kedudukan Pelaburan Antarabangsa Bersih	**RM68.3 bilion** (S1 2026: -RM67.8 bilion)
Rizab Antarabangsa[2]	**USD132.1 bilion** (S1 2026: USD126.6 bilion)

[2] Pada 31 Julai 2026
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia, Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia